

24 APR 2002

PBEC-MESYUARAT/I

MESYUARAT AGUNG PBEC DI SINI BULAN DEPAN

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Agung Antarabangsa (IGM) Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC) yang diadakan selama dua hari di sini bermula 6 Mei depan.

Menurut Sekretariat PBEC Malaysia, dalam satu kenyataan di sini hari ini, mesyuarat itu akan menjadi platform bagi masyarakat perniagaan antarabangsa membangunkan agenda berorientasikan tindakan untuk meningkatkan kerjasama serantau.

Tema mesyuarat itu adalah "Perjuangan Ke Arah Pertumbuhan Dalam Persekitaran Mencabar".

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Gloria Macapagal Arroyo dari Filipina dijadual akan menjadi antara penceramah utama.

Di mesyuarat itu, ketua-ketua kerajaan, pemimpin pertubuhan antarabangsa dan para pembuat keputusan kanan dari seluruh Asia Pasifik akan membincangkan dasar dan strategik bagi menggalakkan pertumbuhan rantau ini.

Antara isu yang akan ditimbulkan adalah kerjasama keselamatan serantau, kemunculan China sebagai kuasa besar ekonomi dan masalah ekonomi Jepun.

PBEC merupakan persatuan antarabangsa para pemimpin perniagaan daripada lebih 1,100 syarikat besar dalam 20 ekonomi di seluruh rantau ini. --

BERNAMA

MAS KTC JR